

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
ELPOS PRINT SDN. BHD.
ANAK SYARIKAT KEPADA
ECONLINK SDN. BHD.
BANDAR BARU BANGI SELANGOR.**

OLEH

**SHahrul Nazman B. Sayuti
Sarjana Muda Pengurusan
[Perniagaan Distributif]**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
[KUSTEM]**

2002

1100067873

Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



ark

LI 10 FPE 3 2002



1100067873

Laporan akhir latihan industri di Elpos Print Sdn Bhd anak syarikat kepada Econlink Sdn Bhd Bandar Baru Bangi Selangor / Shahrul Nazman Sayuti.

**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU.**

1100067873

1100067873

I that sehestah

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
ELPOS PRINT SDN BHD
ANAK SYARIKAT KEPADA
ECONLINK SDN BHD
BANDAR BARU BANGI SELANGOR**

Oleh

**SHAHRUL NAZMAN B. SAYUTI
Sarjana Muda Pengurusan (Perniagaan Distributif)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2002

1100067873

PRAKATA

Latihan Industri adalah merupakan aspek yang paling penting dalam sesi pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Kolej Universiti Sains Teknologi Malaysia atau ringkasnya KUSTEM. Melalui Latihan industri ini , para pelajar akan ditempatkan di beberapa agensi samada awam ataupun swasta dimana disitu para pelajar akan didedahkan dengan realiti sebenar alam pekerjaan dan mereka juga berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung sesuatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, para pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi.

Latihan Industri juga adalah merupakan satu kursus atau program yang diwujudkan khusus untuk mendedahkan para pelajar dengan pengalaman dan kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang diambil. Selain itu ia juga diwujudkan bertujuan untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dibilik kuliah dengan senario atau dunia sebenar alam pekerjaan seterusnya menjalin dan mengekalkan hubungan dengan alam profesionalisme ini mengikut bidang yang diambil.

Disepanjang tempoh Latihan Industri ini berjalan, banyak pendedahan dan pengalaman yang diperolehi hasil daripada tunjuk ajar dan panduan yang diberikan khususnya dalam bidang pengurusan. Segala panduan dan tujuk ajar yang diberikan ini amat bermakna dalam persediaan awal menempuh alam pekerjaan sebenar. Dalam tempoh itu juga, pihak syarikat banyak memberikan kerjasama dan bantuan dalam usaha merealisasikan objektif pihak Fakulti khususnya mengaplikasikan teori yang dipelajari dengan realiti sebenar dunia pekerjaan.

Sebagai membalas segala budi baik yang telah diberikan semasa sesi Latihan Industri ini berjalan, disini saya bagi pihak Universiti dan diri saya sendiri ingin merakamkan jutaan terima kasih dan adalah menjadi harapan agar jalinan hubungan yang wujud ini akan terus berkekalan.

ISI KANDUNGAN

| Tajuk | Halaman |
|---------------------|----------------|
| Pengenalan | ii |
| Isi kandungan | iv |
| Senarai Gambarajah | viii |
| Ringkasan Eksekutif | ix |

BAB 1: LATAR BELAKANG SYARIKAT/ORGANISASI

ECONLINK SDN BHD

| | |
|---------------------------------|----|
| 1.1 Sejarah Ringkas Organisasi | 1 |
| 1.2 Misi & Matlamat | 2 |
| 1.3 Profil Syarikat | 3 |
| 1.4 Barisan Pengurusan Syarikat | 6 |
| 1.5 Pelanggan Utama Syarikat | 10 |
| 1.6 Aktiviti Perniagaan | 11 |

ELPOS PRINT SDN BHD

| | |
|--------------------------------------|----|
| 1.7 Sejarah Ringkas | 13 |
| 1.8 Misi Dan Objektif | 14 |
| 1.9 Strategi Syarikat | 15 |
| 1.10 Halatuju Dan Masa Depan | 16 |
| 1.11 Profil Syarikat | 17 |
| 1.12 Latar Belakang Dan Pengurusan | 20 |
| 1.13 Aktiviti Perniagaan | 24 |
| 1.14 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari | 25 |

BAB 2: PENEMUAN, PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

| | |
|--|----|
| 2.0 Pendekatan Halatuju Unit Grafik | 28 |
| 2.1 BAHAGIAN PENGOPERASIAN UNIT GRAFIK | |
| 2.1.1 Penemuan Masalah | 35 |
| 2.1.2 Sistem Yang Diterima Pakai | 35 |

| | |
|--|----|
| 2.1.3 Mengenalpasti Masalah | 39 |
| 2.1.4 Analisis Masalah Dan Perbincangan Penyelesaian | |
| Keseluruhan Penemuan | 42 |
| | |
| 2.2 BAHAGIAN PENTADBIRAN UNIT GRAFIK | |
| 2.2.1 Penemuan Masalah | 49 |
| 2.2.2 Sistem Yang Diterima Pakai | 50 |
| 2.2.3 Mengenalpasti Masalah | 51 |
| 2.2.4 Analisis Masalah Dan Perbincangan Penyelesaian | |
| Keseluruhan Penemuan | 53 |
| | |
| 2.3 BAHAGIAN PEMASARAN SYARIKAT | |
| 2.3.1 Penemuan Masalah | 56 |
| 2.3.2 Sistem Yang Diterima Pakai | 56 |
| 2.3.3 Mengenalpasti Masalah | 58 |
| 2.3.4 Analisis Masalah Dan Perbincangan Penyelesaian | |
| Keseluruhan Penemuan | 60 |

| | |
|-----------------|----|
| RUMUSAN/PENUTUP | 64 |
| RUJUKAN | 66 |
| LAMPIRAN | 67 |

SENARAI GAMBARAJAH CARTA

Gambarajah 1

2.1.2 Carta Aliran Kerja Unit Grafik Yang Sedia Ada

38

Gambarajah 2

2.1.4 Cadangan Carta Aliran Kerja Unit Grafik

47 & 48

Gambarajah 3

2.2.2 Carta Organisasi Unit Grafik Yang Sedia Ada

50

Gambarajah 4

2.2.4 Cadangan Carta Organisasi Unit Grafik

55

Gambarajah 5

2.3.2 Struktur Organisasi Syarikat Yang Sedia Ada

57

Gambarajah 6

2.3.4 Cadangan Struktur Organisasi Syarikat

60

RINGKASAN EKSEKUTIF

Selama hampir tiga bulan menjalani Latihan Industri di syarikat percetakan Elpos Print Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada Econlink Sdn Bhd, saya ditempatkan hampir kesemua sesi di unit grafik yang mana saya telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bahagian itu menjadi sebuah lagi entiti perniagaan yang baru kepada Econlink Sdn Bhd. Jika sebelum ini Econlink hanya mempunyai dua anak syarikatnya iaitu Elpos dan EL Dagang(juga masih dalam peringkat awal),

Saya ditugaskan untuk mengkaji serta menganalisa potensi bidang grafik ini untuk dikomersilkan menjadi satu lagi aktiviti perniagaan baru kepada Econlink. Untuk itu saya perlu menyediakan satu kertas kerja untuk merangka satu pendekatan yang terbaik kepada unit grafik dalam usaha mengkomersilkannya sebagai sebuah firma perunding grafik. Selaras dengan keperluan ini, saya telah menyediakan satu plan tindakan bahagian grafik ini(pada peringkat awal) dan ianya dikenali sebagai Plan Tindakan EL Advertising (sila lihat lampiran).

Semasa saya mula melangkahkan kaki ke bahagian ini, apa yang saya dapat lihat ialah hanya 2 orang pereka grafik iaitu En Sabri selaku ketua grafik dan

dibantu oleh En Tajul. Hasil perbualan dan tinjauan saya dengan kedua-dua pereka grafik ini, saya dapati bahawa perancangan untuk menjadikan bahagian ini sebuah entiti perniagaan yang baru sudah lama dibuat, cuma pelaksanaannya masih belum berjalan sebagaimana yang telah dirancang. Jika sebelum ini saya difahamkan yang En Fadir adalah orang yang telah dipertanggungjawabkan dalam usaha mengkomersilkan bahagian ini tetapi agak malang kerana beliau meletak jawatan dan menamatkan perkhidmatannya dengan Elpos. Dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan bahagian grafik Elpos ini sebagai sebuah cabang perniagaan yang baru kepada syarikat induk Econlink Sdn Bhd, beberapa langkah dan tindakan harus diambil dan ianya harus diolah dengan cermat dan rapi. Dalam pada itu pemantauan dari masa kesemasa harus dibuat kerana ianya merupakan bidang yang agak baru kepada Econlink dan sudah tentu sebagai sebuah anak syarikat yang baru adalah diharapkan ianya akan dapat menyumbang bakti seterusnya meningkatkan keuntungan kepada Econlink Sdn. Bhd sebagai syarikat induk.

Hasil pemerhatian dan pengamatan saya selama berada di bahagian grafik ini, saya dapati tiga bahagian menghadapi masalah khususnya sistem kerja yang tidak teratur dan bercelaru. Tiga bahagian yang saya maksudkan tadi ialah di bahagian Pentadbiran, Pemasaran dan Operasi. Mengikut pengamatan saya,

ketiga-tiga bahagian ini harus diperbaiki dan disusun semula untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selesa dan bermotivasi. Ini penting kerana objektif dan matlamat untuk menjadikan bahagian ini sebuah firma yang profesional dapat dipenuhi dan terlaksana. Apa yang saya dapati ianya berlaku sebaliknya dengan kompleks-kompleks yang sentiasa kedengaran pada setiap kali mesyuarat yang diadakan samada mesyuarat pengurusan maupun mesyuarat dibahagian pengeluaran.

Hasil penemuan dan penganalisan saya semasa berada di unit grafik ini, dapatlah saya membuat kesimpulan bahawa permasalahan yang sering ditimbulkan adalah disebabkan sistem kerja yang tidak jelas dan tidak diikuti seperti yang dirancang maka oleh itu satu jawatan harus dibentuk yang mana ianya berperanan dalam memastikan setiap pergerakan kerja dalam unit ini mengikut prosidur yang telah ditetapkan dan peruntukan kuasa tertentu harus diberikan supaya tindakan dapat diambil sekiranya ia dilanggari. Disini saya ada juga mencadangkan satu sistem yang lebih jelas dan lebih teratur disamping mewujudkan borang yang khusus dalam usaha mengatasi kekalutan dan kesibukan kerja di unit ini iaitu borang rekod kerja dan borang spesifikasi kerja.

Dalam menguruskan hal-ehwal pentadbiran pula saya ada mencadangkan satu jawatan baru diwujudkan iaitu Pegawai Tadbir diunit ini yang berperanan dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran pejabat disamping bertindak sebagai Staf Penyemak atau ‘Proof Reader’. Memandangkan unit grafik adalah merupakan proses pertama setiap job yang masuk kedalam syarikat ini, maka peranannya amat besar kerana kelancaran proses kerja dalam unit ini akan menentukan kelancaran proses-proses di unit-unit dan bahagian-bahagian yang lain.

Mengikut pemerhatian yang saya jalankan mengenai prestasi syarikat Elpos Print Sdn Bhd, saya dapati syarikat ini mengalami kerugian yang agak besar. Ini disokong pula daripada minit mesyuarat yang dikeluarkan dan kos dan jualan perbandingan yang dibuat antara syarikat Econlink dengan Elpos yang menunjukkan satu penyongsang telah berlaku dimana Elpos menanggung kos yang agak besar berbanding Econlink manakala dari segi jumlah jualan pula Econlink lebih banyak berbanding Elpos. Bagi mengatasi permasalahan ini saya ada mencadangkan agar segala urusan pemasaran ketiga-tiga syarikat ini diuruskan oleh satu badan atau syarikat bersinggan yang bertindak sebagai pusat keuntungan syarikat atau profit center kepada ketiga-tiga syarikat ini iaitu Econlink, Elpos dan EL Dagang juga kepada satu lagi anak syarikat baru yang akan ditubuhkan kelak iaitu EL Advertising.